

Untuk mengelakkan keraguan, versi asal Garis Panduan Bon Lestari dalam Bahasa Inggeris yang diterbitkan di laman sesawang ICMA merupakan versi rasmi dokumen ini. Terjemahan ini hanya untuk tujuan maklumat sahaja.

Garis Panduan Bon Lestari 2018

Jun 2018

PENGENALAN

Satu pasaran telah dibangunkan bagi bon yang sejajar dengan kedua-dua Prinsip Bon Hijau (GBP) dan Prinsip Bon Sosial (SBP) (dirujuk sebagai “Prinsip”). Urus niaga ini mencerminkan pembangunan berterusan dalam pasaran bon berkenaan penggunaan hasil kutipan. Contoh khusus bagi urus niaga tersebut boleh didapati di <https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/resource-centre/>.

Garis panduan ini telah diterbitkan untuk mengesahkan keberkaitan Prinsip dalam konteks ini dan memudahcarakan penggunaan kedua-dua panduan tentang ketelusan dan penzahiran kepada pasaran Bon Lestari. Empat komponen teras Prinsip yang sama dan saranannya tentang penggunaan semakan luaran dan pelaporan impak turut terpakai kepada Bon Lestari.

Matlamat dokumen ini adalah untuk menggalakkan integriti pasaran Bon Lestari dan memastikan penerbit lebih berupaya untuk menjangka dan memenuhi kehendak pelabur. Ia bertujuan untuk memudahcarakan ketersediaan maklumat bagi semakan dan penilaian impak positif hijau dan sosial yang dijangka atau direalisasi oleh pelabur. Ia juga membantu penaja jamin dengan menggalakkan penzahiran maklumat dan metodologi yang diharapkan.

DEFINISI BON LESTARI

Bon Lestari ialah bon yang mana hasil kutipannya akan diguna pakai khusus untuk membiayai atau membiayai semula gabungan kedua-dua Projek Hijau dan Sosial. Bon Lestari disejajarkan dengan empat komponen teras GBP dan SBP di mana GBP adalah relevan bagi Projek Hijau dan SBP bagi Projek Sosial.

Adalah difahamkan bahawa sesetengah Projek Sosial mungkin juga mempunyai manfaat alam sekitar secara bersama dan sesetengah Projek Hijau mungkin juga mempunyai manfaat sosial secara bersama. Pengelasan bon menurut penggunaan hasil kutipan sebagai Bon Hijau, Bon Sosial atau Bon Lestari hendaklah ditentukan oleh penerbit berdasarkan objektif utama projek.

Adalah penting untuk mengambil maklum bahawa Bon Lestari tidak boleh dianggap sepiawai dengan bon yang tidak sejajar dengan empat komponen teras Prinsip.

PUSAT SUMBER

Templat yang disarankan dan sumber Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari boleh didapati di Pusat Sumber di <https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/resource-centre/>. Templat yang telah dilengkappan boleh diterbitkan secara dalam talian untuk makluman pasaran di Pusat Sumber dengan mengikuti arahan pada pautan di atas.

Nota

Empat jenis Bon Hijau dan Bon Sosial yang masing-masing dirujuk dalam Lampiran 1 GBP dan SBP akan turut terpakai kepada Bon Lestari, apabila Projek Hijau dan Projek Sosial digabungkan.

Perlu juga disedari bahawa terdapat pasaran bagi bon bertemakan kelestarian, termasuk yang dikaitkan dengan Matlamat Pembangunan Kelestarian (“SDG”), di mana dalam sesetengah keadaan, bon sedemikian diterbitkan oleh organisasi yang sebahagian besarnya atau secara keseluruhannya terlibat dalam aktiviti kelestarian, tetapi bon mereka tidak mematuhi empat komponen teras Prinsip. Bagi kes sedemikian, pelabur perlu dimaklumkan sewajarnya dan perhatian perlu diambil untuk tidak mengimplikasikan ciri-ciri GBP atau SBP dengan merujuk kepadanya sebagai Bon Lestari atau SDG. Organisasi ini digalakkan untuk menerima pakai, di mana sesuai, amalan terbaik GBP dan SBP yang berkaitan (contohnya bagi pelaporan) bagi bon bertema kelestarian, SDG atau selainnya yang sedia ada, dan untuk menjajarkan terbitan akan datang dengan SBP dan GBP.

Pemetaan GBP dan SBP kepada Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG) disediakan dan bertujuan untuk memberikan rangka kasar yang boleh dijadikan rujukan oleh penerbit, pelabur dan peserta pasaran bon untuk menilai objektif pembiayaan Bon/Program Hijau, Sosial atau Lestari terhadap SDG. Ia boleh didapati di laman sesawang ICMA di (<https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/>).

PENAFIAN

Garis Panduan Bon Lestari menyediakan garis panduan proses sukarela yang bukan suatu tawaran untuk membeli atau menjual sekuriti ataupun nasihat khusus dalam apa saja bentuk (cukai, undang-undang, alam sekitar, perakaunan atau pengawalseliaan) berhubung dengan Bon Lestari atau mana-mana sekuriti lain. Garis Panduan Bon Lestari tidak mewujudkan apa-apa hak dalam, atau liabiliti kepada mana-mana individu, orang awam atau swasta. Penerbit menerima pakai dan melaksanakan Garis Panduan Bon Lestari secara sukarela dan bebas, tanpa pergantungan atau rekursa kepada Garis Panduan Bon Lestari, dan bertanggungjawab penuh bagi keputusan untuk menerbitkan Bon Lestari. Penaja jamin Bon Lestari tidak bertanggungjawab jika penerbit tidak mematuhi komitmen mereka kepada Bon Lestari dan penggunaan hasil kutipan bersih yang terhasil. Jika terdapat percanggahan antara mana-mana undang-undang, statut dan peraturan terpakai dengan garis

panduan yang dikemukakan dalam Garis Panduan Bon Lestari, undang-undang, statut dan peraturan tempatan yang relevan akan terpakai.